**Latihan Pengukuhan 1**

**Lengkapkan jadual dan ayat-ayat di bawah dengan simpulan bahasa yang paling tepat.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Cakar ayam | Bahasa pasar | Naik angin | Kaki bangku | Panjang tangan |
| Pasang telinga | Cahaya mata | Telinga nipis | Berat tulang | Makan angin |

| Bil. | Simpulan bahasa | Maksud |
|---|---|---|
| 1 | | Orang yang cepat marah |
| 2 | | Bersiar-siar atau pergi bercuti |
| 3 | | Orang yang malas |
| 4 | | Tulisan yang buruk |
| 5 | | Mendengar dengan teliti |
| 6 | | Marah |
| 7 | | Anak |
| 8 | | Orang yang suka mencuri |
| 9 | | Bahasa perbualan harian yang tidak betul tatabahasanya |
| 10 | | Orang yang tidak pandai bermain bola sepak |

1. Dollah dimarahi gurunya kerana tulisannya seperti _____.
2. Samira ialah _____ sulung Encik Azman dan Puan Salmah.
3. Murid-murid Tahun Empat Seroja _____untuk memahami penerangan daripada guru mereka.
4. Ghazali hanya duduk di tepi padang sambil melihat rakan-rakannya bermain bola kerana dia _____.
5. Ayah membawa kami sekeluarga _____ ke Pulau Langkawi.
6. Pemuda yang _____ itu tidak disukai oleh orang-orang kampung.
7. Puan Azura_____ apabila mengetahui anaknya ponteng sekolah.
8. Cikgu Rahimi menasihati murid-muridnya agar tidak menggunakan _____ dalam penulisan karangan.
9. Harman memang seorang yang_____. Dia tidak suka membantu ibunya di rumah.
10. Sikap Pak Mail yang _____ itu menyebabkan anak-anaknya menjauhkan diri.

LIVEWORKSHEETS